

PENGLIBATAN USAHAWAN ORANG ASLI BERDAFTAR DI BAWAH PENGELOLAAN JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

THE ENGAGEMENT OF REGISTERED ORANG ASLI ENTREPRENEURS UNDER THE MANAGEMENT OF JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

Nur Alia Izzati Mohamad Harizan¹
Fatimah-Salwa Abd. Hadi²

¹Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,
(E-mail: aliaharizan98@gmail.com)

²Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,
(E-mail: fatimahsalwa@fpe.upsi.edu.my)

Article history

Received date : 25-2-2024
Revised date : 26-2-2024
Accepted date : 1-4-2024
Published date : 15-4-2024

To cite this document:

Mohamad Harizan, N. A. I., & Abd. Hadi, F. S..
(2024). Penglibatan Usahawan Orang Asli Berdaftar
di bawah Pengelolaan Jabatan Kemajuan Orang Asli
(JAKOA). *International Journal of Accounting,
Finance and Business (IJAFB)*, 9 (53), 120 - 131.

Abstrak: *Orang Asli (OA) merupakan orang asal yang tinggal di Malaysia sejak kira-kira 5,000 tahun yang lalu. Masyarakat OA di Malaysia terdiri daripada tiga suku kaum utama dan dibahagikan kepada 18 sub-etnik mengikut adat yang diamalkan serta dialek yang digunakan. Secara umumnya, mereka telah lama terlibat dengan aktiviti keusahawanan. Meskipun begitu, ia dijalankan secara kecil-kecilan dan pasarannya adalah terhad. Berdasarkan potensi bidang keusahawanan dalam menjana pendapatan masyarakat OA, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah memainkan peranan yang penting. Ini termasuklah menggalakkan usahawan OA untuk menjadi usahawan yang berdaftar di bawah JAKOA. Selain diberi pelbagai bantuan dan bimbingan, usahawan OA yang berdaftar mempunyai potensi untuk memasuki pasaran yang lebih besar dan menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi. Sehingga kini, jumlah usahawan OA yang berdaftar masih rendah meskipun terdapat banyak manfaat yang bakal diperolehi. Justeru, semua pihak terutamanya JAKOA mempunyai peranan yang penting dalam menggalakkan usahawan OA untuk berdaftar dengan JAKOA. Hal ini penting bagi memastikan usahawan OA dapat memacu kejayaan dalam bidang keusahawanan dan seterusnya keluar daripada garis kemiskinan.*

Kata Kunci: *Orang Asli, Kemiskinan, Keusahawanan*

Abstract: *The Orang Asli (OA) are the indigenous people of Malaysia, having lived there for approximately 5,000 years. The OA community is comprised of three main ethnic groups and is further divided into 18 sub-ethnic groups based on their customs and dialects. Historically, they have been involved in entrepreneurial activities, albeit on a small scale with limited market access. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) has played an important role in promoting entrepreneurship among indigenous communities. This includes encouraging OA*

entrepreneurs to register as entrepreneurs under JAKOA, recognizing the potential of the entrepreneurship field in generating income for OA communities. Despite the various assistance and guidance provided, the number of registered OA entrepreneurs remains low, despite the potential for tapping into a larger market and generating higher income. It is crucial for all parties, especially JAKOA, to encourage OA entrepreneurs to register with them. It is important to ensure that aspiring entrepreneurs have the tools they need to succeed in the field of entrepreneurship and lift themselves out of poverty.

Keywords: *Indigenous People, Poverty, Entrepreneurship*

Pengenalan

Orang Asli (OA) merupakan orang asal yang tinggal di Malaysia sejak kira-kira 5,000 tahun yang lalu. Masyarakat OA di Malaysia terdiri daripada tiga suku kaum utama dan dibahagikan kepada 18 sub-etnik mengikut adat yang diamalkan serta dialek yang digunakan. Sehingga kini, masyarakat OA masih lagi dibelenggu dengan masalah kemiskinan. Namun, aktiviti keusahawanan dilihat mampu membantu masyarakat OA untuk keluar daripada jurang kemiskinan yang dihadapi. Aktiviti keusahawanan juga mampu merapatkan jurang ekonomi di antara masyarakat OA dengan masyarakat perdana. Melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), pelbagai program dan bantuan yang telah disalurkan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah dan juga kesejahteraan masyarakat OA.

Definisi Orang Asli

Malaysia merupakan negara majmuk yang berbilang kaum serta kaya dengan adat resam, budaya dan bangsa yang pelbagai. Bumiputera terdiri daripada kaum Melayu yang tinggal di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. OA merupakan sebahagian daripada kaum bumiputera. OA ialah orang pertama yang tinggal di semenanjung Malaysia. Istilah ‘Asli’ berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu ‘Asali’ yang bermaksud asal (Hassan@Yahya & Nordin, 2018). Menerusi Akta Orang Asli (Akta 134) di bawah “*Aboriginal People Ordinance*” No. 3 tahun 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974 di mana seksyen ketiga akta ini menerangkan definisi OA kepada tiga definisi utama iaitu OA ialah seseorang yang bapanya adalah sebahagian daripada etnik OA, bercakap dan mengamalkan gaya hidup serta kepercayaan OA. Selain itu, OA juga merupakan seseorang yang diambil untuk dijadikan anak angkat semasa kecil dan anak tersebut dibesarkan dengan gaya hidup masyarakat OA, mengamalkan kepercayaan masyarakat OA dan bercakap dalam bahasa OA. Seterusnya, OA juga merupakan seorang anak hasil daripada penyatuan seorang wanita kaum OA dengan seorang lelaki suku kaum lain tetapi dengan syarat, anak tersebut dibesarkan mengikut kepercayaan dan gaya hidup OA serta bercakap dalam bahasa OA (JAKOA, 2024).

Seterusnya, OA juga merupakan golongan minoriti paling awal yang mendiami tanah Melayu. Mereka juga merupakan golongan rentan yang mudah terancam dengan sebarang perubahan ekonomi. Istilah OA ini berasal daripada istilah Melayu yang membawa maksud orang asal atau orang pertama. Masyarakat OA telah dibahagikan kepada tiga suku kaum utama dan telah dikelaskan kepada 18 sub-etnik yang berbeza. Pembahagian ini dibuat oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan melihat kepada rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap golongan OA (Wee et al., 2013). Tiga suku kaum utama masyarakat OA ialah kaum Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Setiap etnik mempunyai gaya hidup, budaya, bahasa dan adat kepercayaan yang berbeza (Yusoh et al., 2021). Selain itu,

masyarakat OA ini mempunyai karya seni seperti kraf tangan, pantang larang serta adat resam yang masih terpelihara dan diamalkan sehingga kini (Dris, 2015).

Kependudukan Orang Asli di Malaysia

Sehingga kini, populasi mencatatkan bahawa seramai 209,575 orang masyarakat OA yang tinggal di semenanjung Malaysia. Populasi ini telah dibahagikan mengikut sembilan negeri dan tiga suku kaum utama di mana tiga suku kaum utama ialah kaum Senoi, kaum Negrito dan kaum Melayu Proto. Masyarakat OA ini tinggal di sembilan buah negeri berbeza iaitu di negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu.

Jadual 1: Populasi Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Bil.	Negeri	Suku Kaum			Jumlah
		Senoi	Melayu Proto	Negrito	
1.	Johor	49	15,773	3	15,825
2.	Kedah	30	10	296	336
3.	Kelantan	15,382	73	2,032	17,487
4.	Melaka	23	1,809	1	1,833
5.	Negeri Sembilan	110	12,107	4	12,221
6.	Pahang	36,002	41,485	1,128	78,615
7.	Perak	57,747	667	2,811	61,225
8.	Selangor	5,425	15,532	4	20,961
9.	Terengganu	944	85	43	1,072
Jumlah		115,712	87,541	6,322	209,575
Peratus		55.21%	41.77%	3.02%	100%

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2024

Suku Kaum dan Etnik Orang Asli

Secara umumnya, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah membahagikan masyarakat OA kepada tiga suku kaum utama iaitu kaum Senoi, kaum Negrito dan kaum Melayu Proto. Ketiga-tiga kaum tersebut mengamalkan gaya hidup, budaya dan adat resam yang berbeza. Dialek percakapan yang digunakan setiap hari juga berbeza. JAKOA telah mengelaskan tiga suku kaum utama ini kepada 18 sub-etnik. Terdapat enam sub-etnik bagi setiap suku kaum utama tersebut.

Jadual 2: Suku Kaum dan Sub-Etnik Orang Asli di Malaysia

Suku Kaum	Sub-Etnik
Senoi	Mah Meri
	Che Wong
	Semoq Beri
	Jahut
	Temiar
	Semai
Negrito	Kensiu
	Lanoh
	Jahai
	Kintak
	Mendriq
	Bateq

Melayu Proto

Temuan

Jakun

Semelai

Orang Kanaq

Orang Seletar

Orang Kuala

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2024

Setiap suku kaum mendiami kawasan yang berbeza dan kawasan penempatan mereka mempengaruhi gaya hidup mereka. Pada mulanya, masyarakat OA ini hidup berpindah randah bagi mencari bahan makanan dan tempat tinggal. Namun kini, kerajaan komited untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat OA supaya setanding dengan masyarakat umum dan setiap kaum OA ini telah mempunyai kawasan perkampungan mereka sendiri. Kaum Senoi mendiami kawasan lereng Titiwangsa di negeri Pahang, Kelantan dan Perak. Manakala kaum Negrito mendiami kawasan sekitar banjaran Titiwangsa yang berpusat di sebelah utara semenanjung. Seterusnya, kaum Melayu Proto pada awalnya mendiami kawasan pantai dan kawasan-kawasan lembah. Namun kini, mereka telah mempunyai kawasan perkampungan mereka sendiri yang terletak di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan di daerah Muar, Johor.

Terdapat enam sub-etnik bagi setiap suku kaum utama. Sub-etnik bagi kaum Senoi ialah Mah Meri, Che Wong, Semoq Beri, Jahut, Temiar dan Semai. Mah Meri merupakan etnik yang tinggal di kawasan berhampiran laut kerana majoriti daripada mereka bekerja sebagai nelayan untuk mencari pendapatan. Etnik Mah Meri ini telah berhijrah daripada pulau di selatan Johor ke pantai negeri Selangor. Hal ini adalah kerana, mereka dipercayai melarikan diri daripada musuh. Sementara itu, etnik Che Wong mempunyai empat buah perkampungan di daerah Raub dan sebuah perkampungan di daerah Jerantut. Jumlah keluarga yang mendiami perkampungan ini adalah seramai 68 buah keluarga bersamaan 417 orang OA etnik Che Wong.

Seterusnya, etnik Semoq Beri pula mendiami kawasan pinggir Terengganu dan Pahang. Etnik Jahut pula tinggal di daerah Jerantut dan Temerloh, Pahang. Di daerah Jerantut, mereka mendiami kawasan yang dipanggil Sungai Kiol dan Kekwal (Kol). Manakala di daerah Temerloh pula, mereka mendiami kawasan yang dipanggil Piau, Galong, Kerdu-Paya Paleng, Paya Mengkuang, Seboi, Mendoi, Pasu dan Kuala-Krau Penderas. Selain itu, penempatan etnik Temiar pula ditentukan oleh penghulu dengan cara jampi atau ilham daripada mimpi. Bagi etnik Semai, mereka tinggal di kawasan Banjaran Titiwangsa seperti di Perak Selatan, Perak Tengah dan Pahang Barat.

Sub-etnik bagi kaum Negrito pula ialah etnik Lanoh, Kensiu, Bateq, Mendriq, Kintak dan Jahai. Etnik Lanoh mendiami kawasan pedalaman Hulu Perak di negeri Perak. Etnik Lanoh ini mempunyai tiga buah perkampungan yang menempatkan seramai 359 orang Lanoh di perkampungan tersebut. Selain itu, etnik Kensiu pula tinggal di kawasan pinggir iaitu di daerah Baling, Kedah. Etnik Kensiu ini mempunyai sebuah perkampungan mereka sendiri iaitu Kampung Lubok Legong di Baling, Kedah di mana perkampungan tersebut dilengkapi dengan bekalan air, bekalan elektrik dan lain-lain prasarana. Selain itu, etnik Bateq pula tinggal di kawasan pedalaman utara Pahang, Selatan Kelantan dan Barat Terengganu. Etnik Bateq ini mempunyai perkampungan sendiri di mana terdapat tujuh buah perkampungan di negeri Pahang dan empat buah perkampungan di negeri Kelantan.

Terdapat dua buah perkampungan etnik Bateq di daerah Jerantut, Pahang manakala lima buah perkampungan di daerah Lipis, Pahang. Perkampungan ini menempatkan seramai 550 etnik Bateq bersamaan 100 buah keluarga. Kawasan perkampungan bagi etnik Bateq di negeri Kelantan adalah di Pos Lebir di mana terdapat kira-kira empat buah perkampungan yang menempatkan seramai 84 buah keluarga bersamaan 413 orang etnik Bateq. Kawasan perkampungan di negeri Terengganu pula menempatkan seramai 41 orang etnik Bateq bersamaan 12 keluarga. Seterusnya, etnik Mendriq tinggal di kawasan pedalaman Kelantan. Kawasan perkampungan mereka terletak di daerah Gua Musang, Kelantan di mana ia menempatkan seramai 82 orang etnik Mendriq bersamaan 14 buah keluarga.

Di samping itu, etnik Kintak pula tinggal di pinggir Hulu Perak di daerah Gerik. Kini, etnik Kintak telah mempunyai perkampungan yang telah dibangunkan oleh kerajaan Malaysia di mana perkampungan tersebut menempatkan seramai 112 orang etnik Kintak bersamaan 25 buah keluarga. Etnik Jahai pula tinggal di negeri Perak dan Kelantan. Di negeri Kelantan, mereka tinggal di Hulu Kelantan iaitu di kawasan Jeli dan Sungai Rual. Manakala di negeri Perak, mereka tinggal di kawasan Hulu Perak seperti Persisiran Empangan Temenggor, Sungai Tiang dan Banun.

Terdapat enam etnik bagi kaum Melayu Proto iaitu etnik Jakun, Semelai, Temuan, Orang Kanaq, Orang Seletar dan Orang Kuala. Etnik Jakun tinggal di kawasan selatan semenanjung yang berasal dari Yunan iaitu di Selatan China. Etnik ini masih mengamalkan kepercayaan animisme dan mereka juga percaya bahawa perkampungan mereka akan dilanda bencana sekiranya mereka melanggar pantang larang. Seterusnya, etnik Semelai pula tinggal di kawasan Pahang Tengah iaitu di Sungai Bera, Paya Badak, Sungai Teriang, Tasik Bera dan Paya Besar. Terdapat sebahagian etnik Semelai tinggal di kawasan sempadan Pahang menghala ke Negeri Sembilan seperti di Ulu Muar, Sungai Serting dan Sungai Lui. Etnik Temuan pula tinggal di negeri Pahang, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Muar, Johor. Manakala etnik Kanaq tinggal di kawasan pinggir. Perkampungan mereka terletak di Kampung Selangi, Mawai daerah Kota Tinggi, Johor di mana perkampungan tersebut menempatkan seramai 17 buah keluarga bersamaan 65 orang etnik Kanaq.

Sementara itu, etnik Seletar pula tinggal di kawasan pulau, di dalam perahu, di persisiran pantai serta di kuala sungai. Kawasan utama penempatan orang Seletar adalah di persisiran pantai selatan Johor dan utara Singapura. Kini, orang Seletar mempunyai perkampungan mereka sendiri di persisiran pantai selat Johor. Akhir sekali, etnik kuala pula adalah etnik OA yang tinggal di kawasan kepulauan Riau-Lingga dan kawasan berhampiran Pantai Sumatera, Indonesia. Kini, mereka menetap di daerah Batu Pahat dan Pontian. Terdapat lima buah perkampungan orang Kuala di daerah Batu Pahat dan empat buah perkampungan di daerah Pontian. Seramai 1309 orang Kuala bersamaan 315 keluarga yang menetap di perkampungan Batu Pahat manakala 1018 orang Kuala bersamaan 214 keluarga yang menetap di perkampungan Pontian.

Sosioekonomi Orang Asli

Secara umumnya, masyarakat OA kini masih lagi di dalam keadaan yang mundur dan miskin serta memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan (Bakri, 2019). Ini adalah selari dengan Asri et al. (2018) yang menyatakan bahawa masyarakat OA merupakan masyarakat yang agak mundur jika dibandingkan dengan masyarakat perdana yang lain. Kehidupan mereka juga tidak mengikuti arus pembangunan dan kemajuan teknologi yang ada pada masa kini. Faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan masyarakat OA ialah jenis pekerjaan yang

dilakukan di mana pekerjaan tersebut bersifat sara diri serta tahap pendidikan mereka yang rendah.

Sehingga kini, Malaysia komited dalam mengatasi masalah kemiskinan yang masih tinggi di dalam negara ini. Hal ini adalah untuk mencapai matlamat negara maju dan pembangunan mampan atau "*Sustainable Development Goals*" (SDGs). Jika dilihat daripada ukuran kadar kemiskinan di Malaysia yang telah dibuat, ia menunjukkan bahawa kadar kemiskinan masyarakat bumiputera lebih tinggi berbanding masyarakat Cina dan India. Manakala bagi golongan bumiputera, masyarakat OA serta peribumi Sabah dan Sarawak mencatatkan kadar kemiskinan tertinggi (Hussain, 2020). Sehingga tahun 2019, kadar kemiskinan mutlak di Malaysia berada pada tahap 5.6 peratus di mana majoritinya adalah daripada kaum bumiputera. Kadar kemiskinan bumiputera berada pada tahap 7.2 peratus, India 4.8 peratus dan Cina 1.4 peratus. Sebanyak 40 peratus daripada kadar kemiskinan bumiputera disumbangkan oleh masyarakat OA (Zulkifli, 2023).

Orang Asli merupakan golongan yang rentan dan mudah terkesan dengan sebarang perubahan ekonomi. Hasil bancian daripada temu ramah bersemuka yang dijalankan kepada masyarakat OA mendapati bahawa pendapatan purata isi rumah mereka adalah sebanyak RM1,092 sebulan (BBC Portal, 2020). Walaupun mereka mempunyai pendapatan bulanan, namun pendapatan bulanan tersebut masih lagi rendah jika dilihat daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Miskin tegar merujuk kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,169 manakala miskin mutlak pula merujuk kepada mereka yang berpendapatan kurang RM 2,208 (Ismail, 2020b). Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa purata pendapatan masyarakat OA berada pada tahap kadar kemiskinan mutlak.

Bagi membantu masyarakat OA meningkatkan taraf hidup serta pendapatan isi rumah mereka, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan pelbagai usaha serta langkah proaktif dengan menyediakan pelbagai program dan bantuan kepada masyarakat OA. Satu usaha besar yang dijalankan oleh pihak JAKOA ialah dengan menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan masyarakat OA. Aktiviti keusahawanan yang dijalankan juga adalah selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang bermatlamat untuk membudayakan aktiviti keusahawanan bagi setiap lapisan masyarakat. Pelbagai bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak JAKOA bagi menarik minat masyarakat OA untuk menyertai aktiviti keusahawanan. Antaranya ialah geran berbentuk peralatan perniagaan, premis perniagaan, mengubahsuai premis perniagaan serta kursus dan seminar berkaitan keusahawanan (JAKOA, 2024).

Selain JAKOA, masyarakat OA juga boleh mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain termasuklah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) serta Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN). Semua bentuk bantuan yang disalurkan ini berupaya membantu usahawan OA meningkatkan prestasi perniagaan dalam bentuk kewangan mahupun bukan kewangan (Bernama, 2017).

Masyarakat Orang Asli dan Keusahawanan

Usahawan merupakan seorang individu yang mempunyai niat untuk mencapai kemajuan dalam aspek ekonomi harian serta berkeinginan untuk memulakan perniagaan. Mereka juga berani mengambil risiko dengan mencari cara baharu bagi meningkatkan kemajuan ekonomi seharian (Singye, 2021). Selain itu, usahawan juga mempunyai matlamat yang disasarkan dalam perniagaan yang dijalankan, berpengetahuan tentang bidang perniagaan, sanggup

menanggung risiko serta boleh membuat keputusan dengan baik dalam setiap situasi yang dihadapi. Dengan adanya pengetahuan tentang selok belok perniagaan akan memberikan idea kreatif kepada usahawan untuk meningkatkan keuntungan perniagaan (Mohd Yusof & Tahir, 2021). Seperti mana usahawan-usahawan yang lain, usahawan OA juga merupakan individu yang menjalankan perniagaan dengan matlamat utama untuk menjana pendapatan dan seterusnya mencapai kesejahteraan hidup.

Seterusnya, usahawan juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pendapatan negara. Dengan adanya penghasilan produk dengan menggunakan teknologi baharu kini membolehkan usahawan menjalankan pasaran dengan lebih meluas. Hal ini dapat meningkatkan kadar guna tenaga serta mampu menjana peluang pekerja kepada masyarakat. Dengan itu, kadar pengangguran dalam negara akan berkurangan. Di samping itu, dengan adanya pasaran perniagaan yang luas akan membantu usahawan untuk meningkatkan pendapatan. Dengan pendapatan tinggi yang diperoleh usahawan akan menyumbang kepada pendapatan negara kerana pembayaran daripada hasil cukai yang dikenakan kepada usahawan (Al-kadasi, 2019).

Bidang keusahawanan bukanlah merupakan satu bidang yang baharu bagi masyarakat OA. Sehingga kini, ramai masyarakat OA yang telah menceburi bidang keusahawanan. Antara perniagaan yang dijalankan oleh masyarakat OA adalah seperti kraf tangan, pengangkutan, pertanian, perladangan, peruncitan dan sebagainya (Yusoh et al., 2021). Faktor penyumbang kepada penglibatan secara aktif masyarakat OA dalam bidang keusahawanan termasuklah pengalaman, kemahiran, keyakinan, minat serta kebolehan yang dimiliki. Selain itu, dengan adanya sokongan dan bantuan yang diberikan oleh pelbagai pihak telah menarik minat lebih ramai masyarakat OA untuk menyertai bidang keusahawanan (Roddin et al., 2021).

Usahawan Orang Asli Berdaftar di Malaysia

Bidang keusahawanan dilihat berpotensi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah masyarakat OA. Selain itu, ia juga mampu membantu mereka keluar daripada garis kemiskinan yang dihadapi sekali gus merapatkan jurang ekonomi di antara masyarakat OA dengan masyarakat perdana. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan khususnya JAKOA telah menyediakan pelbagai sokongan dan perkhidmatan supaya perniagaan yang dijalankan oleh usahawan OA dapat berkembang dengan lebih meluas di pasaran. Bagi usahawan OA yang berpotensi tinggi dan mempunyai matlamat untuk melebarkan perniagaan mereka dalam pasaran yang lebih luas, usahawan digalakkan untuk berdaftar dengan pihak JAKOA. Menurut JAKOA (2024), berikut merupakan syarat yang dikenakan kepada usahawan OA untuk berdaftar dengan pihak JAKOA:

- i) Pemohon mestilah berumur 18 tahun dan ke atas.
- ii) Pemohon telah menjalankan perniagaan di Semenanjung Malaysia sekurang-kurangnya selama enam bulan dan ke atas.
- iii) Pemohon mestilah menjalankan perniagaan secara sepenuh masa.
- iv) Perniagaan yang dijalankan telah disahkan oleh pegawai JAKOA negeri atau daerah.
- v) Pemohon mestilah mempunyai lesen perniagaan yang sah serta berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- vi) Pendapatan bersih bulanan mestilah kurang daripada RM 5,000.

Hal ini dapat dilihat bahawa, bagi melayakkan usahawan OA untuk berdaftar di bawah JAKOA, mereka perlu berumur 18 tahun dan ke atas. Mereka juga perlu menjalankan perniagaan secara sepenuh masa dan perniagaan dijalankan di Semenanjung Malaysia sekurang-kurangnya enam bulan dan ke atas. Selain itu, pemohon juga perlu mengesahkan perniagaan mereka dengan pegawai JAKOA negeri atau daerah. Mereka juga perlu mempunyai lesen perniagaan yang sah serta berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sementara itu, pendapatan bersih bulanan pemohon mestilah kurang daripada RM 5,000 (JAKOA, 2024).

Jadual 3: Senarai Usahawan Orang Asli Berdaftar di bawah JAKOA

Bil	Jenis usahawan		Jumlah usahawan (n=533)
1	Jantina	Lelaki	334
		Perempuan	199
2	Negeri	Pahang	202
		Johor	84
		Selangor	80
		Perak	65
		Kelantan	51
		Negeri Sembilan	42
		Melaka	9
3	Sektor Perniagaan	Perkhidmatan	410
		Pembuatan dan Perkilangan	56
		Perladangan dan pertanian	53
		Pembinaan	14

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2024

Sehingga Oktober 2021, bilangan usahawan OA berdaftar adalah seramai 533 orang usahawan daripada beberapa negeri seperti negeri Pahang, Johor, Selangor, Perak, Kelantan, Negeri Sembilan dan Melaka. Kebanyakan usahawan OA berdaftar melibatkan diri dalam sektor perniagaan seperti perkhidmatan, pembuatan dan perkilangan, perladangan dan pertanian serta sektor pembinaan. Contoh sektor perkhidmatan yang dijalankan oleh usahawan OA adalah kraf tangan, kedai gunting rambut, kedai cuci kenderaan, bidang pelancongan, bengkel memperbaiki motosikal dan bengkel jahitan. Bagi sektor pembuatan dan perkilangan, usahawan OA menjalankan perniagaan seperti pembuatan makanan, pembuatan bot serta pembekal barangan runcit. Bagi sektor perladangan dan pertanian, usahawan OA menjalankan perniagaan seperti membuka nursery pokok dan menanam keledak. Bagi sektor pembinaan pula, usahawan OA telah memilih untuk menjadi buruh kontrak.

Fenomena ini menggambarkan perkembangan penglibatan masyarakat OA dalam aktiviti keusahawanan. Perniagaan yang dijalankan bukanlah dalam skala yang kecil malahan skala yang lebih besar dan meluas ke serata dunia. Kraf tangan yang dihasilkan mempunyai nilai yang tinggi sehingga mencecah ribuan ringgit (Ismail, 2020a). Dengan kemahiran, warisan, adat dan budaya yang dimiliki dapat membantu masyarakat OA memperoleh pendapatan yang lebih tinggi sekali gus memelihara budaya dan warisan tersebut supaya tidak di tinggal zaman.

Sementara itu, antara kelebihan lain yang diterima oleh usahawan OA yang berdaftar ialah bantuan dari segi mempromosikan produk, bantuan daripada segi khidmat nasihat, bantuan premis perniagaan, bantuan kewangan dan sebagainya (JAKOA, 2024). Bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak JAKOA ini akan membantu memperkenalkan produk usahawan OA ke serata dunia.

Insentif kepada Usahawan Orang Asli Berdaftar

Pelbagai insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan khususnya JAKOA bagi membantu setiap usahawan OA yang berdaftar di bawah mereka. Insentif yang diberikan dilihat mampu memasarkan produk usahawan OA dengan lebih meluas. Antara insentif yang diberikan ialah:

i) Program Pembangunan Keusahawanan

Program ini dapat membantu usahawan OA untuk mengembangkan perniagaan serta memasarkan produk mereka dengan lebih meluas. Selain itu, bantuan akan diberikan kepada usahawan dengan menilai kepada perniagaan yang akan dilakukan. Sebagai contoh, pihak JAKOA akan memberikan bantuan dalam bidang andaman seperti barang kelengkapan, barang persalinan pengantin, pelamin dan alat mekap bagi usahawan yang berminat untuk membuka perniagaan andaman. Manakala bagi usahawan yang ingin menceburi sektor perladangan seperti menternak kambing, pihak JAKOA akan memberi bantuan dengan cara memberi baka kambing serta membina kandang kambing kepada para usahawan yang berminat.

Sementara itu, pihak JAKOA juga memberikan bantuan seperti khidmat sokongan kepada para usahawan. Sebagai contoh usahawan OA yang ingin menjalankan perniagaan daripada hasil tanaman seperti terung. Mereka akan diberikan kursus tentang tanaman terung secara berkala supaya pendapatan usahawan dapat diperoleh secara konsisten. Bagi usahawan OA yang tidak pandai menguruskan akaun perniagaan, pihak JAKOA juga akan memberi kursus kepada mereka dan memantau perjalanan perniagaan mereka. Seterusnya, untuk memastikan produk usahawan OA berjaya dipasarkan, pihak JAKOA membawa usahawan-usahawan menyertai karnival usahawan Orang Asli (KUAOA) yang diadakan pada setiap tahun (Ismail, 2020a).

ii) Program Bimbingan Usahawan

Program ini meliputi dua jenis bantuan iaitu bantuan dari segi pembinaan premis perniagaan tidak melebihi RM50,000 dan bantuan dari segi pemberian peralatan untuk menghasilkan produk jualan seperti mesin ringan dengan jumlah tidak melebihi RM30,000. Manakala bagi koperasi OA pula, pihak JAKOA menyediakan Program Bantuan Geran Koperasi Orang Asli di mana program tersebut memberi bantuan dari segi premis perniagaan, peralatan perniagaan, mesin-mesin pembuatan produk, projek-projek ekonomi seperti peruncitan, pengangkutan dan ekopelancongan dengan jumlah tidak melebihi RM500,000. Usahawan OA atau koperasi OA yang berminat untuk memohon bantuan yang disediakan oleh pihak JAKOA boleh menghubungi pejabat JAKOA daerah pada bila-bila masa sahaja (Shamsuri, 2023).

Syarat permohonan bagi program bantuan ini ialah pemohon mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh permohonan. Pemohon juga mestilah daripada individu OA atau dari kumpulan OA seperti yang diperuntukkan dalam Akta OA seksyen 3 Akta 134. Kertas kerja lengkap juga perlu disertakan semasa permohonan dilakukan. Keutamaan diberikan kepada usahawan yang

menjalankan perniagaan secara sepenuh masa, mempunyai lesen perniagaan yang sah dan pemohon juga belum pernah menerima bantuan di bawah program ini (JAKOA, 2024).

iii) Program “Empowering Orang Asli Communities (Eco), Through Skills and Training”

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) juga telah memperkenalkan satu program yang dinamakan program “*Empowering Orang Asli Communities (Eco), Through Skills and Training*” di mana program ini bertujuan untuk memperkasa ekonomi masyarakat OA dengan kemahiran yang mereka ada dan latihan yang akan diberikan. Program Eco merupakan kerjasama di antara pihak PUNB dan rakan usahawan PUNB dalam bidang automotif di mana mereka akan melatih belia OA yang berumur di antara 18 tahun sehingga 30 tahun dengan memberikan latihan sambil bekerja di bengkel milik usahawan-usahawan PUNB. Program ini juga dilihat mampu merapatkan jurang ketidaksamaan ekonomi antara masyarakat OA dengan masyarakat perdana (KOSMO, 2023).

iv) Program Pembangunan Usahawan Orang Asli

Belanjawan 2024 menyediakan inisiatif di bawah agensi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bagi menyediakan pembiayaan kepada usahawan-usahawan kecil OA yang baru memulakan perniagaan. Selain itu, program komuniti MADANI juga diperkenalkan sebagai langkah memartabatkan ekonomi komuniti. Program ini memberi peruntukan dana sebanyak RM50,000 hingga RM100,000 sebagai permulaan dalam melaksanakan aktiviti bagi menjana peningkatan ekonomi setempat di setiap komuniti desa, kawasan perkampungan OA, rumah panjang dan kawasan bandar. Tujuan program ini dibangunkan adalah untuk merencanakan aktiviti ekonomi di dalam lima sektor tumpuan iaitu sektor jahitan, makanan, pertanian, kraf tangan, herba, hospitaliti, kesihatan, pelancongan dan kitar semula (Rosnon, 2023).

v) Bantuan Geran Khas Prihatin (GKP)

Ketika Covid-19 melanda negara pada tahun 2019, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah telah mengenal pasti bahawa seramai 9,000 usahawan yang terjejas termasuklah usahawan OA. Kerajaan cakna dengan masalah yang dihadapi oleh usahawan pada ketika itu di mana usahawan telah diberikan penangguhan bayaran balik pembiayaan perniagaan selama tiga bulan atau penjadualan semula bayaran balik pembiayaan dengan cara memanjangkan tempoh pembiayaan sehingga 36 bulan. Usahawan juga diberikan diskaun sebanyak 30 peratus ke atas premis perniagaan yang dilanjutkan selama lima bulan bermula Julai sehingga Disember 2021. Seterusnya, bantuan Geran Khas Prihatin (GKP) sebanyak RM 1,000 juga diberikan kepada para usahawan bagi meringankan beban yang dihadapi (Suhaini, 2021).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, masyarakat OA memang sudah lama menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Namun begitu, masih banyak peluang-peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan tidak digunakan secara optimum oleh usahawan OA. Hal ini termasuklah peluang mendaftar sebagai usahawan di bawah kelolaan JAKOA. Pendaftaran usahawan OA sebagai usahawan bukan sahaja membolehkan mereka mengetengahkan produk yang berkualiti tinggi, bahkan juga dapat memasuki pasaran yang lebih meluas dan sekali gus dapat meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

Oleh yang demikian, semua pihak khususnya JAKOA perlu memperluas maklumat kepada usahawan OA untuk menjadi usahawan yang berdaftar. Selain itu, pelbagai usaha perlu digiatkan bagi menjadikan usahawan OA cakna tentang manfaat dan kelebihan menjadi usahawan yang berdaftar di bawah JAKOA. Pihak kerajaan juga disarankan untuk terus menyokong perkembangan positif penglibatan usahawan OA dalam bidang keusahawanan. Ini termasuklah memperuntukkan peruntukan yang bersesuaian bagi membantu usahawan OA terus maju dalam bidang keusahawanan yang diceburi. Kebolehan usahawan OA menjana pendapatan melalui penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan perlu dipacu oleh strategi dan kerjasama mapan semua pihak.

Rujukan

- Al-kadasi, M. (2019). The importance of entrepreneurs in economy.
- Asri, M. A. M., Roddin, R., & Hariri, T. I. A. A. (2018). Kejayaan Penglibatan Golongan Wanita Komuniti Orang Asli Suku Kaum Mah Meri Di Dalam Bidang Keusahawanan. *Online Journal for TVET Practitioners*.
- Bakri, M. H. Y. (2019). Orang Asli Masih Mundur, Miskin - Anwar. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2019/01/orang-asli-masih-mundur-miskin-anwar/>
- Bernama. (2017). Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) Sasar Lahir 600 Usahawan Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kklw-sasar-lahir-600-usahawan-orang-asli-dalam-rmk11-163161>
- Dris, M. (2015). Mengenal Sejarah, Budaya Orang Asli. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/62540/mengenal-sejarah-budaya-orang-asli>
- Hassan@Yahya, M. S., & Nordin, R. (2018). Kedudukan Orang Asli Pada Era Penjajahan. *Journal of Law and Society (JUUM)*, 128-141. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-09>
- Hussain, H. (2020). Kadar kemiskinan Bumiputera Lebih Tinggi. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/91331/berita/nasional/kadar-kemiskinan-bumiputera-lebih-tinggi>
- Ismail, N. N. A. (2020). Keusahawanan Bantu Orang Asli Tingkat Taraf Ekonomi. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1805726>
- Ismail, S. (2020). Unit Perancang Ekonomi Cadang Institusi Pendidikan Khusus Perbaiki Hidup Orang Asli. *Free Malaysia Today (FMT)*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/10/02/unit-perancang-ekonomi-cadang-institusi-pendidikan-khusus-perbaiki-hidup-orang-asli/>
- JAKOA. (2024). *Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli*. Retrieved from <https://www.jakoa.gov.my/>
- KOSMO. (2023). PUNB Perkasa Komuniti Orang Asli. *KOSMO*. <https://www.kosmo.com.my/2023/05/30/punb-perkasa-komuniti-orang-asli/>
- Mohd Yusof, M. Z., & Tahir, Z. (2021). Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-13. <https://journalarticle.ukm.my/16364/1/357-Article%20Text-527-1-10-20210211.pdf>
- Portal, B. (2020). Pendapatan Isi Rumah Orang Asli RM 1,902. *BBC Portal*. <https://www.bbcportal.my/2020/08/27/pendapatan-isi-rumah-orang-asli-rm1092/>
- Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Awang, H., Jalil, S. A., & Hariri, T. I. A. A. (2021). Proses Pembangunan Keupayaan Keusahawanan Ketua Isi Rumah (KIR) Wanita Orang Asli. *International Journal of Business and Economy*, 2(4), 131-145.
- Rosnon, M. R. (2023). Memperkasa Orang Asli. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2023/10/1021229/memperkasa-orang-asli>
- Shamsuri, A. S. (2023). KUOA Bantu Usahawan Orang Asli. *KOSMO*.

<https://www.kosmo.com.my/2023/07/22/kuoa-bantu-usahawan-orang-asli/#:~:text=%E2%80%9CBagi%20usahawan%20Orang%20Asli%2C%20Jakoa,jumlah%20tidak%20melebihi%20RM30%2C000.>

Singye, J. (2021). *What is an Entrepreneur?* <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.20334.74562>

Suhaini, N. A. (2021). Masyarakat Orang Asli Dapat Manfaat PEMULIH. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834827/masyarakat-orang-asli-dapat-manfaat-pemulih>

Wee, S. T., Mohamed, M., Jamiran, M. N. S., Zainal Abidin, Z. Z., & Mohd Sam, S. A. (2013). Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4*.

Yusoh, M. P., Hassan, M. S., & Amat, M. H. (2021). Perkembangan Aspek Keusahawanan, Ekonomi dan Sosial Orang Asli di Malaysia: Satu Analisis Literatur. *International Journal of Accounting*, 6(36).

Zulkifli, A. M. (2023). Bumiputera Paling Ramai Miskin Tegar, Kata Rafizi. *Malaysia kini*. <https://www.malaysianow.com/my/news/2023/03/07/bumiputera-paling-ramai-miskin-tegar-kata-rafizi>